

**Institusi kewangan Asia masih kukuh**  
**Utusan Online**  
**15 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 14 Mei - Institusi kewangan Asia ketika ini berada di kedudukan yang baik untuk berdepan dengan ketidaktentuan pasaran dunia, khususnya krisis yang dihadapi Eropah.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, keadaan itu disebabkan negara-negara di rantau ini sudah memiliki sistem kewangan yang maju dan mempunyai daya tahan yang tinggi dalam ekonomi domestik mereka.

"Memang ada sedikit kesan kepada Asia, tetapi situasinya lebih baik untuk berdepan dengan keadaan tidak menentu tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mesyuarat kedua Financial Stability Board (FSB) Regional Consultative Group Asia di sini hari ini.

Turut hadir Gabenor Bank Korea, Choongsoo Kim dan Ketua Setiausaha FSB, Svein Andresen.

Beliau berkata, beberapa pengukuhan ekonomi yang telah dirangka sebelum ini diikuti dasar pembaharuan kewangan telah membuahkan hasil yang menggalakkan.

"Keadaan mikroekonomi di rantau ini masih di peringkat awal dan masih mencatatkan pertumbuhan yang perlahan.

"Pertumbuhan kita mungkin sederhana tetapi masih di peringkat yang boleh diterima walaupun dalam keadaan persekitaran yang mencabar," jelasnya.

Sementara itu mengulas mengenai mesyuarat FSB, Zeti berkata, terdapat beberapa perkara yang diberi perhatian antaranya kesan reformasi kewangan dunia ke atas negara membangun dan baru muncul.

"Kita juga sedang memantau pergerakan sistem kewangan sekarang bagi mengetahui apa yang berlaku ke atasnya.

"Terdapat beberapa ruang yang dilihat berpotensi untuk perkembangan sistem kewangan di rantau ini, antaranya penerbitan bon secara bersama," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm)